

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

MDKL kesan **tiga** **lokasi baharu**

Jumlah keseluruhan tapak sampah haram cecah 54 kawasan

BANTING - Tiga lokasi pembuangan sampah haram baharu di kesan di kawasan Telok Panglima Garang dan Bandar Mahkota.

Penemuan itu menjadikan jumlah keseluruhan 54 lokasi sampah haram di sekitar Kuala Langat dan ia menunjukkan kesedaran orang ramai terhadap isu kebersihan masih rendah.

Malah, dari Oktober hingga November 2015 sahaja, sebanyak 47 operasi sampah haram dijalankan membabitkan 51 hotspot sampah haram yang dikenal pasti.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, daripada jumlah itu, 18 kompaun dikeluarkan kepada pesalah dan tiga daripadanya melibatkan kawasan Bandar Saujana Putra.

"Pemeriksaan yang kita ja'ankan mendapati, ia membabitkan sampah penjaja air kelapa, domestik rumah dan sebagainya.

"Malah, dalam operasi mengejut Oktober lalu, sebuah lori ditahan dan disita kerana kesalahan membuang sampah haram membabitkan sisa penjaja air kelapa di di Jalan SP 2,

Bandar Saujana Putra," katanya.

Menurutnya, tangkapan dan penahanan itu dibuat atas kesalahan membuang sampah di tempat tidak dibenarkan MDKL di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah MDKL 2007.

"Melihatkan kadar akur untuk menjelaskan kompaun yang rendah, pesalah akan berdepan pendakwaan kes di mahkamah kerana ingkar menjelaskan kompaun dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan denda maksima RM2,000," katanya.

Beliau berkata, MDKL komited menangkap dan mendakwa mereka yang didapati membuang sampah haram.

"Hanya dengan tindakan maksimum tanpa kompromi dapat membebaskan daerah ini daripada isu sampah haram.

"Rondaan untuk pemantauan dan penguatkuasaan juga dilakukan setiap hari hasil kerjasama orang awam dan aduan di kawasan kawalan," katanya.

Difahami, Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dan Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat turut sama menggerakkan pasukan bagi mengurangkan lokasi hotspot sampah haram.



Antara lokasi sampah haram di sekitar Kuala Langat.

Kolej Komuniti Kuala Langat rai kakitangan cemerlang

JUGRA - Staf Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) diraikan sempena Majlis Kecemerlangan dan Penghargaan Kakitangan 2015 bertemakan 'Arabian Evening di Pulau Carey'.

Pengarahnya, Zainah Rujihan berkata, majlis kelolaan Kelab Kebajikan Staf KKKL bersama Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran KKKL itu bertujuan menghargai semua staf yang bertungkus-lumus menjalankan tugas serta tanggungjawab diamanahkan sepanjang 2015.

"Malah, majlis ini juga bertujuan mengeratkan silaturahim staf bagi persediaan menghadapi tugas dan tanggungjawab 2016.

"Gita juga mahu pupuk ker-



Zainah (tengah) bersama sebahagian kakitangan KKKL yang diraikan pada majlis berkenaan.

jasama erat, merapatkan hubungan pengurusan kolej dan staf serta meningkatkan motivasi untuk terus mencapai kecemerlangan," katanya.

Dalam majlis tersebut, beberapa anugerah disampaikan kepada staf yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang.

Antaranya, Anugerah Khas Pengarah, Anugerah Reka cipta dan Inovasi, Anugerah Pembimbing Pelajar, Anugerah Keusahawanan,

Anugerah Pengelola Terbaik, Anugerah Pembentangan dan Penyelidikan serta Anugerah Sukarelawan.